

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah limpahkan petunjuk dan pertolongan-Nya akhirnya disertasi yang bertajuk **Sumbangan Sheikh Yāsīn Al-Fādānī Dalam Al-Arba'īnāt: Analisis Terhadap Kitab *Al-Arba'īn Al-Buldāniyyah*** disiapkan dengan jayanya. Tiada ucapan penghargaan dan syukur kehadiran Allah s.w.t. yang mampu menggambarkan segala nikmat yang telah Dia berikan melainkan dengan ucapan *al-hamd li Allāh*, segala puji hanya milik Allah s.w.t. seperti yang Dia ajarkan. Salawat dan salam ke atas baginda Rasulullah s.a.w. yang di utus sebagai pembawa rahmat bagi keseluruhan alam, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Sungguh penulis sedar yang disertasi ini dapat diselesaikan kerana sokongan, arahan, serta saranan dari pelbagai pihak. Maka itu penghargaan mula-mula kepada ibu dan bapa penulis yang teramat penulis cintai yang telah banyak memberikan kontribusi dan sokongan yang tiada sanggup untuk dikira sama ada moril mahupun materil. Semoga Allah s.w.t sentiasa menjaga dan memberkahi umur serta melimpahkan kebahagiaan kepada mereka di dunia dan di akhirat.

Penghargaan kepada Dr. Faisal Ahmad Shah di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai penyelia disertasi ini dengan memberikan tunjuk ajar serta sokongan kepada penulis sehingga penulisan disertasi ini pun disiapkan.

Terimakasih yang sebesar-besarnya buat semua pensyarah di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith yang telah menyampaikan ilmunya, dan terimakasih juga buat semua setiausaha di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith.

Penghargaan dan terimakasih juga kepada isteri penulis, Sumiyati, S.Pd.I., S.S yang banyak membantu dan menolong serta memotivasi penulis dalam menyelesaikan disertasi ini. Kepada adik-adik penulis yang turut berjasa memberikan kemudahan dan bantuannya kepada penulis.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan, orang perseorangan dan semua pihak yang telah memberi sokongan, motivasi serta kemudahan secara langsung mahupun tidak langsung.

Semoga Allah s.w.t. membalas segala jasa mereka dan di dunia ini mahupun di akhirat kelak dan menjadikan kita semua sentiasa dalam naungan kasih sayang-Nya.

**Rudi EdwaldoJasmit**

15, Seroja Indah Pekanbaru  
28282 Riau, Indonesia